



KEMENTERIAN PENDIDIKAN  
MALAYSIA

**HURAIAN SUKATAN PELAJARAN**

---

# ASUHAN DAN PENJAGAAN AWAL KANAK-KANAK

---

*TINGKATAN EMPAT DAN LIMA*



Pusat Perkembangan Kurikulum  
Kementerian Pendidikan Malaysia  
2003.



Kementerian Pendidikan Malaysia

---

KURIKULUM BERSEPADU SEKOLAH MENENGAH  
HURAIAN SUKATAN PELAJARAN

---

---

# ASUHAN DAN PENJAGAAN AWAL KANAK-KANAK

---

---

2003.

*TINGKATAN EMPAT DAN LIMA*



Pusat Perkembangan Kurikulum

ISBN

Diusahakan  
oleh  
Pusat Perkembangan Kurikulum  
Kementerian Pendidikan Malaysia

Cetakan Pertama 2003.  
©Kementerian Pendidikan Malaysia

Hak cipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan ulang mana-mana bahagian artikel, ilustrasi, dan isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan dengan cara apa jua sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman, atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Kementerian Pendidikan Malaysia. Perundingan tertakluk kepada perkiraan royalti atau honorarium.

## **RUKUN NEGARA**

BAHAWASANYA negara kita Malaysia mendukung cita-cita hendak mencapai perpaduan yang lebih erat di kalangan seluruh masyarakat; memelihara satu cara hidup demokratik; mencipta masyarakat yang adil di mana kemakmuran Negara akan dapat dinikmati bersama secara adil dan saksama; menjamin satu cara yang liberal terhadap tradisi-tradisi kebudayaannya yang kaya dan berbagai-bagai corak; membina satu masyarakat progresif yang akan menggunakan sains dan teknologi moden;

MAKA KAMI, rakyat Malaysia, berikrar akan menumpukan seluruh tenaga dan usaha kami untuk mencapai cita-cita tersebut berdasarkan atas prinsip-prinsip berikut:-

KEPERCAYAAN KEPADA TUHAN  
KESETIAAN KEPADA RAJA DAN NEGARA  
KELUHURAN PERLEMBAGAAN  
KEDAULATAN UNDANG-UNDANG  
KESOPANAN DAN KESUSILAAN

## **FALSAFAH PENDIDIKAN KEBANGSAAN**

Pendidikan di Malaysia adalah suatu usaha berterusan ke arah lebih memperkembangkan potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk melahirkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani, berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan. Usaha ini adalah bertujuan untuk melahirkan warganegara Malaysia yang berilmu pengetahuan, berketerampilan, berakhlak mulia, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta memberikan sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran keluarga, masyarakat dan negara.

## **KATA PENGANTAR**

Huraian Sukatan Pelajaran ialah dokumen yang memperincikan kandungan Sukatan Pelajaran yang bertujuan untuk memenuhi cita-cita murni dan semangat Falsafah Pendidikan Kebangsaan, dan menyediakan murid menghadapi arus globalisasi serta ekonomi berasaskan pengetahuan dan kemahiran pada abad ke-21

Dokumen ini menyarankan strategi pengajaran dan pembelajaran yang merangkumi pelbagai aktiviti dan penggunaan sumber. Guru digalakkan menggunakan kreativiti untuk memilih, menyusun dan mengolah aktiviti mengikut kesesuaian murid. Huraian ini diharap akan dapat membantu guru merancang dan melaksanakan pengajaran dan pembelajaran secara berkesan.

Dalam melakukan aktiviti pengajaran dan pembelajaran, guru diharap dapat memberi penekanan kepada unsur bernilai tambah, iaitu kemahiran berfikir, kemahiran belajar cara belajar, penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi, kecerdasan pelbagai, pembelajaran masteri, pembelajaran secara kontekstual, pembelajaran secara konstruktivisme, dan

pembelajaran akses sendiri. Di samping itu, nilai murni dan semangat patriotik dan kewarganegaraan tetap diutamakan. Semua elemen ini diharapkan dapat memberi keyakinan kepada murid dan diaplikasikan dalam kehidupan harian dan dunia pekerjaan.

Guru perlu peka terhadap tahap kecergasan murid dan serius dalam melaksanakan pengajaran dan pembelajaran Mata Pelajaran Vokasional Menservis Motosikal dengan mengambil kira kesepaduan ilmu, kemahiran dan amalan keselamatan. Pengajaran dan pembelajaran hendaklah dilakukan secara berkesan dengan memberi tumpuan kepada penglibatan murid secara aktif dalam suasana yang kondusif dan menyeronokkan.

Dalam menyediakan Huraian Sukatan Pelajaran ini banyak pihak terlibat terutama guru, pensyarah maktab dan universiti serta pegawai Kementerian Pendidikan, dan individu yang mewakili badan-badan tertentu.

Kepada semua pihak yang telah memberikan sumbangan kepakaran, masa dan tenaga sehingga terhasilnya Huraian Sukatan Pelajaran ini, Kementerian Pendidikan merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih.

**( Dr. SHARIFAH MAIMUNAH BT. SYED ZIN )**

Pengarah  
Pusat Perkembangan Kurikulum  
Kementerian Pendidikan Malaysia

## KANDUNGAN

<b>Kata Pengantar</b> .. .. .	<b>i</b>	<b>Pendekatan Dan Penekanan</b> .. .. .	<b>3</b>
<b>Pendahuluan</b> .. .. .	<b>1</b>	<b>Pemetaan Kandungan</b> .. .. .	<b>5</b>
<b>Matlamat Mata Pelajaran Asuhan dan Penjagaan Awal Kanak-Kanak</b>	<b>1</b>	<b>Format Huraian</b> .. .. .	<b>8</b>
<b>Objektif</b> .. .. .	<b>1</b>	<b>Huraian Sukatan Pelajaran Asuhan dan Penjagaan 11 Awal Kanak-Kanak T 4</b>	
<b>Organisasi Kandungan</b> .. .. .	<b>2</b>	<b>Huraian Sukatan Pelajaran Asuhan dan Penjagaan 41 Awal Kanak-Kanak T 5</b>	

## PENDAHULUAN

*Apakah Mata Pelajaran Asuhan dan Penjagaan Awal Kanak-Kanak?*

Asuhan dan Pendidikan Awal Kanak-Kanak ialah satu daripada mata pelajaran elektif vokasional di sekolah menengah atas dalam Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM). Penggubalan mata pelajaran ini merupakan usaha Kementerian Pendidikan ke arah mempertingkatkan kemahiran praktis dan menanam semangat keusahawanan di kalangan murid dalam bidang perkhidmatan penjagaan kanak-kanak dan menyumbang kepada pembangunan generasi yang sihat dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani.

Murid yang mengikuti mata pelajaran ini menguasai kemahiran memberi perkhidmatan penjagaan, bimbingan dan pendidikan kanak-kanak. Penggubalan mata pelajaran ini yang berdasarkan Falsafah Pendidikan Kebangsaan dirancang untuk mencapai matlamat ke arah mempertingkatkan produktiviti negara dengan membekalkan tenaga mahir yang berpengetahuan dalam bidang perkhidmatan penjagaan kanak-kanak.

Penawaran mata pelajaran ini merupakan sebahagian usaha Kementerian Pendidikan untuk memperluaskan pendidikan teknikal dan vokasional di sekolah akademik. Persediaan awal ini adalah untuk memenuhi keperluan permintaan tenaga pekerja mahir dan separa mahir seperti elektrik dan elektronik, komputer dan multimedia, perkhidmatan hospitaliti, perkhidmatan penjagaan dan pelandskapan.

Dalam kurikulum Asuhan dan Pendidikan Awal Kanak-Kanak tumpuan diberi kepada pelbagai kemahiran iaitu mengasuh dan mendidik kanak-kanak, menyedia, memasak dan menghidang makanan untuk kanak-kanak dan penjagaan kesihatan dan rawatan serta keselamatan. Penekanan diberi kepada kreativiti murid dalam menghasilkan pelbagai alat permainan dan bahan bantu mengajar. Murid berkemahiran menjalankan aktiviti bersama kanak-kanak mengikut peringkat umur. Di samping itu aspek pengurusan dan keusahawanan juga ditekankan sebagai persediaan untuk menceburi bidang perniagaan.

Murid juga digalakkan merebut peluang kerjaya dalam industri perkhidmatan pendidikan kanak-kanak. Penerapan nilai murni, sikap positif dan budaya kerja yang baik turut disepadukan dalam mata pelajaran ini.

## MATLAMAT

*Matlamat Mata Pelajaran Asuhan dan Penjagaan Awal Kanak-Kanak.*

Matlamat mata pelajaran Asuhan dan Pendidikan Awal Kanak-Kanak adalah untuk melahirkan murid yang berkemahiran dalam pengurusan perkhidmatan penjagaan kanak-kanak dengan mengamalkan budaya kerja yang baik dan selamat serta boleh menjalankan perniagaan sendiri atau berupaya menjadi penyumbang tenaga kerja mahir dalam bidang perkhidmatan penjagaan kanak-kanak.

## OBJEKTIF

*Objektif  
Mata  
Pelajaran  
Asuhan dan  
Penjagaan  
Awal Kanak-  
Kanak.*

Kurikulum Asuhan dan Pendidikan Awal Kanak-Kanak adalah untuk membolehkan murid :


1. Merancang dan menjalankan aktiviti yang sesuai mengikut peringkat umur kanak-kanak
2. Merancang dan membuat alat permainan dan bahan bantu mengajar yang boleh merangsang pertumbuhan dan perkembangan kanak-kanak
3. Merancang, menyediakan, memasak, menghias dan menghidang makanan kanak-kanak
4. Mempraktikkan amalan kebersihan dan pendidikan kesihatan kanak-kanak
5. Menjalankan tugas penjagaan harian dan pengurusan bilik untuk kanak-kanak
6. Mengamalkan langkah keselamatan dan merawat kecederaan ringan
7. Mengamalkan etika kerja dalam asuhan dan pendidikan awal kanak-kanak dan berkomunikasi dengan berkesan
8. Menyediakan rancangan perniagaan yang mudah.

## ORGANISASI KANDUNGAN

*Rangka  
Konsep*

Mata pelajaran ini terbahagi kepada tiga bidang pembelajaran yang diolah mengikut rangka konsep seperti berikut:

### RANGKA KONSEP



Deskripsi tiga bidang pembelajaran bagi Asuhan dan Pendidikan Awal Kanak-Kanak adalah seperti berikut:

### 1. Perkhidmatan Penjagaan Kanak-Kanak

Dalam bidang ini murid menguasai kemahiran dalam pengurusan perkhidmatan penjagaan kanak-kanak dan pengurusan di tempat kerja. Mereka mempelajari pemakanan bayi dan kanak-kanak iaitu nutrien yang membantu pertumbuhan dan perkembangan kanak-kanak, penyediaan makanan dan etika makan. Murid menjalankan tugas penjagaan harian dan pengurusan bilik untuk kanak-kanak. Murid juga di dedahkan dengan aspek keselamatan iaitu peralatan yang terdapat dalam peti pertolongan cemas, penyakit-penyakit biasa yang dihadapi oleh kanak-kanak dan penjagaan persekitaran di dalam dan luar bangunan.

### 2. Kemahiran Menjalankan Aktiviti

Murid mengenal pasti dan mempraktikkan kemahiran merancang dan menjalankan pelbagai aktiviti yang mencabar dan menggembirakan untuk meningkatkan potensi kanak-kanak. Murid menjalankan aktiviti perkembangan bahasa iaitu bercerita, membaca dan menulis. Murid juga didedahkan tentang perkembangan sosio-emosi seperti nyanyian, main peranan dan lawatan. Perkembangan fizikal, kognitif, estetika dan daya

kreatif juga diberi penekanan dalam menjalankan pelbagai aktiviti pembelajaran dan pengajaran. Aktiviti ini termasuk pergerakan motor, pra sains, pra matematik, lukisan, kraftangan dan muzik. Mereka juga mempraktikkan hubungan mesra dengan kanak-kanak, ibu bapa dan masyarakat setempat.

### 3. Keusahawanan dan Projek Kerjaya

Murid menguasai kemahiran berkomunikasi dengan berkesan semasa berurusan dengan pelanggan. Mereka menyediakan rancangan perniagaan yang mudah, berkeyakinan dan bersedia memberi perkhidmatan dalam penjagaan kanak-kanak. Mereka juga menganjurkan kursus keibubapaan kepada ibu bapa dan penjaga yang terlibat. Daya kreativiti murid dapat ditonjolkan melalui projek jualan alat permainan.

## PENDEKATAN DAN PENEKANAN

*Kemahiran  
melalui  
Latihan  
Amali*

Asuhan dan Pendidikan Awal Kanak-Kanak adalah mata pelajaran yang memberi tumpuan terhadap menguasai kemahiran melalui pembelajaran yang dikendalikan secara amali. Guru perlu membuat tunjuk cara pada aktiviti yang sesuai sebelum murid menjalankan kerja amali. Bahagian teorinya

diserap secara tidak langsung semasa menjalankan kerja amali. Pengetahuan dan kemahiran dilaksanakan melalui pelbagai kaedah pengajaran dan pembelajaran seperti perbincangan, sumbangsaran, tunjuk cara dan simulasi. Pembelajaran bidang pengurusan dan keusahawanan digabungjalinkan untuk membolehkan murid berdikari dan berkeyakinan menceburi bidang industri perkhidmatan penjagaan kanak-kanak atau menjalankan perniagaan sendiri.

*Kemahiran yang Relevan*

Kemahiran yang diperoleh oleh murid seiring dengan apa yang dikehendaki dalam industri perkhidmatan penjagaan kanak-kanak dan relevan dengan bidang pekerjaan sebenar. Pengajaran dan pembelajaran lebih menarik apabila murid dapat mengaitkan apa yang dipelajari dengan bidang kerjaya masa depan.

*Nilai Murni*

Nilai murni dan sikap positif serta budaya kerja yang baik harus merentasi aktiviti yang dikendalikan. Tumpuan diberi ke arah murid yang berusaha mencapai kecemerlangan, bersungguh menghasilkan produk yang berkualiti dan dapat memberikan perkhidmatan penjagaan kanak-kanak yang baik. Keutamaan juga diberi mengenai kebijaksanaan menggunakan sumber dalam pengendalian dan urusan kerja serta kesedaran tentang kos setiap projek alat

permainan dan bahan bantu mengajar. Murid harus mempunyai sifat nilai murni seperti penyayang, sabar dan tidak pilih kasih. Guru harus memastikan murid dapat menunjukkan dan mengamalkan nilai tersebut semasa menjalankan kerja amali.

*Kreativiti dan Kaedah Kajian*

Murid yang memilih mata pelajaran Asuhan dan Pendidikan Awal Kanak-Kanak perlu mengembangkan daya berfikir secara kritis dan kreatif ke arah membentuk masa depan yang lebih sempurna dan berdaya saing. Contohnya dalam projek kerjaya, murid perlu mengkaji pendekatan yang sesuai dalam perkhidmatan penjagaan kanak-kanak untuk memenuhi hasrat ibu bapa, masyarakat dan negara.

*Saiz Kelas*

Bagi memastikan pengajaran dan pembelajaran yang berkesan dalam kerja amali, saiz bagi satu kelas mata pelajaran Asuhan dan Pendidikan Awal Kanak-Kanak mestilah tidak melebihi 25 orang murid.

*Teknologi Maklumat dan Komunikasi*

Murid digalakkan menggunakan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) bagi mendapatkan maklumat perkembangan terkini perkhidmatan pendidikan kanak-kanak. Kemahiran ICT murid diperkembangkan seperti melayari internet dan berkomunikasi secara elektronik. Rujukan buku dan majalah juga digalakkan.

*Keselamatan dan Pengendalian Bengkel*

Peraturan dan langkah keselamatan hendaklah sentiasa dipatuhi dan diamalkan terutamanya di bilik masakan. Sebarang penggunaan alatan perlu diselia oleh guru untuk mengelakkan kemalangan. Organisasi bengkel dan pengurusan kerja yang mudah boleh dilakukan oleh murid secara bergilir bagi menambahkan pengalaman, semangat bekerjasama dan bertanggungjawab serta mempertingkatkan lagi tahap disiplin murid.

*Modul Pembelajaran*

Modul Pembelajaran Tingkatan 4 dan Tingkatan 5 disediakan untuk membantu murid menguasai tahap kemahiran dalam setiap unit pembelajaran. Pendekatan dalam modul ini lebih kepada kemahiran praktis di samping maklumat rujukan sebagai pengetahuan teori. Setiap modul mengandungi panduan kerja, maklumat rujukan dan penilaian.

**PEMETAAN KANDUNGAN**

*Pemetaan Kandungan Tingkatan 4 dan Tingkatan 5*

Susunan kandungan dalam sukatan pelajaran Asuhan dan Pendidikan Awal Kanak-Kanak untuk tingkatan 4 dan 5 adalah seperti dalam Jadual Pemetaan Kandungan Sukatan Pelajaran. Peruntukan waktu yang dinyatakan merupakan cadangan untuk membantu guru dalam penyediaan rancangan pengajaran.

*Bilangan Waktu Seminggu*

Masa pengajaran mata pelajaran Asuhan dan Pendidikan Awal Kanak-Kanak ialah 12 waktu seminggu yang mana setiap waktu ialah 40 minit.

Jadual Pemetaan Kandungan Sukatan Pelajaran Asuhan dan Pendidikan Awal Kanak-Kanak

BIDANG / UNIT / TAJUK PEMBELAJARAN	TINGKATAN 4 (minggu)	TINGKATAN 5 (minggu)
<b>1. Perkhidmatan Penjagaan Kanak-Kanak</b>	<b>(18)</b>	<b>(7)</b>
1.1 Pengurusan di tempat kerja	4	
a. Pengurusan yang baik	✓	
b. Etika dan budaya kerja	✓	
c. Peraturan dan undang-undang kerja	✓	
d. Pemeliharaan alam sekitar dalam institusi pendidikan dan perkhidmatan kanak-kanak	✓	
1.2 Pemakanan bayi dan kanak-kanak	8	
a. Perancangan menu	✓	
b. Penyediaan makanan	✓	
1.3 Etika Makan	1	
1.4 Penjagaan harian	2	
1.5 Keselamatan	3	
a. Pertolongan cemas	✓	
b. Latihan kebakaran	✓	
1.6 Pengurusan Bilik		2
1.7 Kebersihan dan Kesihatan		5
a. Menangani penyakit biasa		✓
b. Pendidikan persekitaran		✓
<b>2. Kemahiran Menjalankan Aktiviti</b>	<b>(17)</b>	<b>(20)</b>
2.1 Perkembangan Bahasa	6	
a. Bercerita	✓	
b. Membaca	✓	
c. Menulis	✓	

Huraian Sukatan Pelajaran Asuhan dan Penjagaan Awal Kanak-Kanak

BIDANG / UNIT / TAJUK PEMBELAJARAN	TINGKATAN 4 (minggu)	TINGKATAN 5 (minggu)
2.2 Perkembangan Sosio-emosi	7	
a. Nyanyian	✓	
b. Main peranan	✓	
c. Lawatan	✓	
2.3 Perkembangan Fizikal	4	
a. Pergerakan motor kasar	✓	
b. Pergerakan motor halus	✓	
2.4 Perkembangan Kognitif		8
a. Pra sains		✓
b. Pra matematik		✓
2.5 Perkembangan Estetika dan Daya Kreatif		12
a. Lukisan		✓
b. Kraftangan		✓
c. Muzik dan pergerakan		✓
<b>3. Keusahawanan Dan Projek Kerjaya</b>		<b>(8)</b>
3.1 Keusahawanan		2
a. Kemahiran berkomunikasi		✓
b. Kemahiran membuat keputusan		✓
c. Rancangan perniagaan		✓
d. Agensi yang membantu usahawan		✓
e. Pemasaran		✓
f. Peluang kerjaya dalam bidang asuhan dan pendidikan kanak-kanak		✓
3.2 Projek kerjaya		6
a. Mengajukan ceramah keibubapaan		✓
b. Jualan alat permainan		✓
<b>JUMLAH</b>	<b>( 35 minggu )</b>	<b>( 35 minggu )</b>

### FORMAT HURAIAN

#### *Tiga Lajur*

Huraian kurikulum ini diperincikan dalam tiga lajur iaitu Bidang / Unit / Tajuk Pembelajaran; Hasil Pembelajaran; dan Cadangan Aktiviti Pembelajaran.

#### *Bidang, Unit dan Tajuk Pembelajaran*

Dalam lajur pertama bidang pembelajaran, unit pembelajaran dan tajuk berkenaan dinyatakan. Dalam lajur ini juga cadangan peruntukan waktu pembelajaran dinyatakan bagi membantu guru.

#### *Hasil Pembelajaran*

Dalam lajur kedua iaitu Hasil Pembelajaran, keluasan dan kedalaman skop setiap unit pembelajaran dihuraikan dalam bentuk objektif perlakuan yang boleh diukur.

#### *Cadangan Aktiviti Pembelajaran*

Lajur ketiga iaitu Cadangan Aktiviti Pembelajaran bertujuan membantu guru merancang dan membekalkan pengalaman pengajaran dan pembelajaran yang sesuai dan bermakna kepada murid. Guru boleh mengubahsuai cadangan ini dan mereka bentuk aktiviti tambahan yang bersesuaian dengan kebolehan murid dan keadaan sekeliling mereka.

Huraian untuk tingkatan empat dan tingkatan lima diperincikan seperti berikut:

*HURAIAN SUKATAN PELAJARAN*

*ASUHAN DAN PENJAGAAN*

*AWAL KANAK-KANAK*

---

---

*TINGKATAN EMPAT*



<b>BIDANG PELAJARAN / UNIT PEMBELAJARAN</b>	<b>HASIL PEMBELAJARAN</b>	<b>CADANGAN AKTIVITI PEMBELAJARAN</b>
<p>b. Etika dan budaya kerja</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Merekod stok</li>   <li>• Menerangkan kepentingan mengamalkan etika dan budaya kerja</li> </ul>	<p>Guru menunjuk cara merekod stok barang kekal dan stok bahan habis guna.</p> <p>Murid menyimpan rekod bahan dan kuantiti yang dibeli berdasarkan dokumen perniagaan seperti nota serahan dan invois.</p> <p>Murid membuat latihan merekod stok dalam komputer dengan menggunakan aplikasi <i>Word</i> atau <i>Excel</i>.</p> <p>Murid membuat latihan merekod stok ke dalam buku stok atau kad Inventori Kew 312 dan Kew 314.</p> <p>Guru menerangkan maksud dan perlunya mengamalkan etika kerja dan budaya kerja.</p> <p>Etika kerja ialah disiplin terhadap kerja seperti menepati waktu, amanah, patuh pada peraturan dan undang-undang semasa menjalankan tugas.</p> <p>Budaya kerja ialah cara peradaban yang menjadi amalan semua pekerja dalam sesebuah organisasi.</p> <p>Aktiviti sumbangsaran berhubung dengan etika dan budaya kerja.</p>

BIDANG PELAJARAN / UNIT PEMBELAJARAN	HASIL PEMBELAJARAN	CADANGAN AKTIVITI PEMBELAJARAN
<p>c. Peraturan dan undang-undang kerja</p> <p>d. Pemeliharaan alam sekitar dalam institusi pendidikan perkhidmatan kanak-kanak</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Mengamalkan etika dan budaya kerja untuk menghasilkan kerja dan program yang berkualiti</li> <li>• Menyenaraikan peraturan yang perlu dipatuhi semasa melaksanakan sesuatu kerja atau program</li> <li>• Menyatakan akta dan undang-undang yang berkaitan dengan pekerja</li> <li>• Menyatakan kepentingan memelihara alam sekitar dalam institusi pendidikan perkhidmatan kanak-kanak</li> </ul>	<p>Menilai amalan etika dan budaya kerja rakan semasa melaksanakan projek seperti kerja kuat, bertanggungjawab dan setia kepada organisasi, komited dan sedia berubah ke arah positif.</p> <p>Menganalisis ciri pekerja berdasarkan pemerhatian yang dijalankan untuk mengenal pasti ciri seorang pekerja yang berjaya.</p> <p>Berbincang dan menyenaraikan peraturan yang perlu dipatuhi semasa melaksanakan sesuatu tugas.</p> <p>Perbincangan mengenai akta dan undang-undang yang berkaitan dengan bidang perniagaan yang diceburi. Contoh Akta Pekerjaan 1955, Akta Kumpulan Simpanan Pekerja 1991 dan Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969 dan Akta Taman Asuhan Kanak-kanak 1984 dan Akta Pendidikan 1996, pindaan 2002.</p> <p>Guru dan murid bekerjasama menganjurkan ceramah oleh pegawai dari Jabatan Alam Sekitar di sekolah atau mengadakan lawatan.</p> <p>Akta yang melindungi alam sekitar seperti Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 yang meliputi pencemaran tanah, udara dan air.</p>

<b>BIDANG PELAJARAN / UNIT PEMBELAJARAN</b>	<b>HASIL PEMBELAJARAN</b>	<b>CADANGAN AKTIVITI PEMBELAJARAN</b>
<p>1.2 Pemakanan bayi dan kanak-kanak (Cadangan peruntukan waktu ialah 8 minggu)</p> <p>a. Perancangan menu</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Menyatakan kesan mengabaikan pemeliharaan alam sekitar</li>   <li>• Menyenaikan peranan institusi pendidikan perkhidmatan kanak-kanak dalam melindungi alam sekitar</li>   <li>• Mengenal pasti jenis nutrien dan sumber</li> </ul>	<p>Kesan mengabaikan pemeliharaan alam sekitar seperti pemeran udara dan sistem perparitan tidak berfungsi dengan baik kerana dipenuhi dengan sampah sarap.</p> <p>Murid diberi penerangan bagaimana membersihkan ruang kerja dan pelupusan sisa buangan dengan</p> <p>Peranan institusi dalam melindungi alam sekitar seperti pelupusan sampah sarap dan mengamalkan konsep kitar semula.</p> <p>Perbincangan mengenai cara memelihara alam sekitar dalam konteks industri yang diceburi.</p> <p>Jenis nutrien ialah protein, karbohidrat, lemak, vitamin dan mineral. Air dan serat perlu untuk pemakanan. Sumber protein seperti daging, ayam, ikan, susu dan kekacang. Sumber karbohidrat seperti beras, gula, coklat dan kek.</p>

Huraian Sukatan Pelajaran Asuhan dan Penjagaan Awal Kanak-Kanak

<b>BIDANG PELAJARAN / UNIT PEMBELAJARAN</b>	<b>HASIL PEMBELAJARAN</b>	<b>CADANGAN AKTIVITI PEMBELAJARAN</b>
	<ul style="list-style-type: none"> <li>Menyatakan fungsi nutrien untuk pertumbuhan dan perkembangan kanak-kanak</li> </ul>	<p>Sumber lemak seperti mentega, minyak kacang dan majerin.</p> <p>Sumber vitamin seperti sayur-sayuran merah dan hijau dan buah-buahan.</p> <p>Sumber mineral seperti susu, telur, limpa dan sayur-sayuran hijau.</p> <p>Sumber air seperti air minuman, sayur-sayuran dan buah-buahan.</p> <p>Sumber serat seperti bijirin, buah-buahan dan sayur-sayuran.</p> <p>Fungsi nutrien yang utama seperti protein, karbohidrat, lemak, mineral dan vitamin. Fungsi pelawas dan air.</p> <p>Protein untuk membaiki tisu dan membina badan.</p> <p>Karbohidrat dan lemak untuk memberi haba dan tenaga.</p> <p>Vitamin untuk mencegah badan dari diinggapai penyakit.</p> <p>Mineral untuk membentuk tulang dan gigi yang kuat.</p> <p>Pelawas untuk membantu dalam pembuangan bahan lebihan.</p> <p>Air untuk menjadikan dua pertiga daripada berat badan dalam bentuk darah, air perut dan lelehan badan.</p>

<b>BIDANG PELAJARAN / UNIT PEMBELAJARAN</b>	<b>HASIL PEMBELAJARAN</b>	<b>CADANGAN AKTIVITI PEMBELAJARAN</b>
<p>b. Penyediaan makanan</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Merancang menu harian</li>   <li>• Merancang menu pusingan</li>   <li>• Merancang, menyedia, memasak dan menghidang makanan</li> </ul>	<p>Membuat buku skrap tentang jenis nutrien, pelaw as dan air mengikut sumber dan fungsinya.</p> <p>Menyediakan model piramid makanan.</p> <p>Merancang menu harian mengikut peringkat umur. Menu harian adalah menu yang disediakan untuk hidangan seharian.</p> <p>Merancang menu pusingan dengan mengambil kira faktor kaedah memasak, keseimbangan nutrien, selera kanak-kanak dan bahan masakan.</p> <p>Menu pusingan adalah dua atau beberapa menu mingguan yang dirancang untuk digunakan secara bergilir.</p> <p>Murid merancang, menyedia, memasak dan menghidang makanan mengikut menu.</p> <p>Cadangan menu :</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Sarapan Contoh - Bubur nasi, buah-buahan dan minuman berkhasiat</li> <li>- Minum pagi atau kudapan Contoh - Sandwic dan air kacang soya</li> <li>- Makan Tengah hari</li> </ul>

<b>BIDANG PELAJARAN / UNIT PEMBELAJARAN</b>	<b>HASIL PEMBELAJARAN</b>	<b>CADANGAN AKTIVITI PEMBELAJARAN</b>
<p>1.3 Etika makan (Cadangan peruntukan waktu ialah 1 minggu)</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Mengamalkan kebersihan diri dan kebersihan semasa penyediaan makanan</li>   <li>• Melatih kanak-kanak mengamalkan etika makan</li> </ul>	<p>Contoh - Nasi putih, ikan masak tauchu, sup sayur campuran, agar-agar buah-buahan dan air barli</p> <p>- Minum petang Contoh – Bihun goreng dan air minuman berkhasiat</p> <p>Sanitasi makanan dan persekitaran hendaklah diutamakan semasa amali masakan seperti membersihkan bahan masakan terlebih dahulu dan menggunakan peralatan yang bersih semasa penyediaan makanan.</p> <p>Berjimat cermat menyediakan masakan dan penggunaan gas, elektrik dan air.</p> <p>Murid membimbing kanak-kanak mengamalkan etika dan tabiat makan yang baik seperti baca doa makan, duduk tertib, basuh tangan sebelum dan selepas makan dan tidak gelojoh semasa makan.</p> <p>Menunjukkan cara makan pelbagai kaum seperti Melayu, Cina dan India. Murid melayan kanak-kanak semasa makan. Guru menerangkan tentang amalan penjagaan harian kanak-kanak.</p>

<b>BIDANG PELAJARAN / UNIT PEMBELAJARAN</b>	<b>HASIL PEMBELAJARAN</b>	<b>CADANGAN AKTIVITI PEMBELAJARAN</b>
<p>1.4 Penjagaan harian (Cadangan peruntukan waktu ialah 2 minggu)</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Menyatakan tugas semasa menyambut ketibaan dan kepulangan kanak-kanak</li>   <li>• Melatih kanak-kanak mengamalkan kebersihan dan penjagaan kesihatan diri</li>   <li>• Menyediakan tempat rehat dan tidur yang bersih dan selesa</li> </ul>	<p>Tujuan semasa menyambut ketibaan kanak-kanak seperti mengambil kanak-kanak serta beg yang dibawa dan menerima pesanan.</p> <p>Tujuan semasa kepulangan kanak-kanak seperti menghantarkan kanak-kanak kepada ibu bapa atau penjaga dan menyampaikan maklumat perkembangan kanak-kanak pada hari tersebut.</p> <p>Murid melatih dan mengawasi kanak-kanak mandi, membersihkan diri dan menggunakan tandas dengan betul.</p> <p>Murid melatih dan membimbing kanak-kanak memberus gigi dengan betul. Murid melatih dan membantu kanak-kanak memakai pakaian.</p> <p>Guru menunjukkan cara menyediakan dan mengemas tempat rehat dan tidur.</p> <p>Murid menyediakan dan mengemas tempat tidur.</p> <p>Tempat rehat dan tempat tidur adalah ruang yang sama di mana kanak-kanak tidur atau berehat.</p> <p>Mengamalkan kasih sayang, tidak pilih kasih dan sabar semasa melayan kanak-kanak.</p>

<b>BIDANG PELAJARAN / UNIT PEMBELAJARAN</b>	<b>HASIL PEMBELAJARAN</b>	<b>CADANGAN AKTIVITI PEMBELAJARAN</b>
<p>1.5 Keselamatan (Cadangan peruntukan waktu ialah 3 minggu)</p> <p>a. Pertolongan cemas</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Mengenal pasti jenis ubat dalam peti pertolongan cemas dan kegunaannya</li>   <li>• Menyenaikan peralatan dan bahan dalam peti pertolongan cemas dan kegunaannya</li>   <li>• Menyatakan jenis kemalangan yang sering berlaku</li> </ul>	<p>Ubat yang terdapat dalam peti pertolongan cemas seperti paracetamol, ubat luka dan ubat salap.</p> <p>Pastikan ubat yang melebihi tarikh luput digantikan dengan yang baru.</p> <p>Tunjuk cara melabel dan menyimpan ubat.</p> <p>Murid melabelkan tempat penyimpanan ubat dan racun.</p> <p>Peralatan dan bahan yang terdapat dalam peti pertolongan cemas seperti gunting, spatula dan kapas.</p> <p>Murid menyimpan peralatan dan bahan di tempat yang selamat</p> <p>Perbincangan tentang jenis kemalangan yang sering berlaku, cara mengelakkan dan cara merawat.</p> <p>Contoh : terjatuh, terhantuk, terkena benda panas, tercekik dan terkena gigitan.</p>

<b>BIDANG PELAJARAN / UNIT PEMBELAJARAN</b>	<b>HASIL PEMBELAJARAN</b>	<b>CADANGAN AKTIVITI PEMBELAJARAN</b>
<p>b. Latihan kebakaran</p> <p><b>2. Kemahiran Menjalankan Aktiviti</b> (Cadangan peruntukan waktu ialah 17 minggu)</p> <p>2.1 Perkembangan bahasa (Cadangan peruntukan waktu ialah 6 minggu)</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Memberi rawatan awal untuk luka, benjol dan terseliuh</li>   <li>• Melatih kanak-kanak untuk menyelamatkan diri semasa kebakaran</li> </ul>	<p>Tunjuk cara</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- membersihkan dan membalut luka</li> <li>- mengikat dan menggunakan anduh</li> <li>- menyediakan rekod rawatan.</li> </ul> <p>Tayangan video dan ceramah daripada Persatuan Bulan Merah dan St. John Ambulan tentang pertolongan cemas.</p> <p>Guru menerangkan tindakan yang perlu diambil semasa kebakaran seperti laluan yang perlu diikuti dan tempat berkumpul.</p> <p>Ceramah dan tunjuk cara menggunakan alat pemadam api oleh Pasukan Bomba dan Penyelamat.</p> <p>Murid melatih kanak-kanak menjalani latihan kebakaran.</p>



<b>BIDANG PELAJARAN / UNIT PEMBELAJARAN</b>	<b>HASIL PEMBELAJARAN</b>	<b>CADANGAN AKTIVITI PEMBELAJARAN</b>
<p>c. Menulis</p> <p>i. Pra tulis</p> <p>ii. Awal tulisan</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Membuat alat permainan berkonsepkan huruf untuk kanak-kanak</li> <li>• Merancang, menyediakan dan menjalankan aktiviti awal bacaan untuk kanak-kanak</li> <li>• Merancang, menyediakan dan menjalankan aktiviti pra tulis untuk kanak-kanak</li> <li>• Merancang, menyediakan dan menjalankan aktiviti menulis dan mengenal huruf untuk kanak-kanak</li> </ul>	<p>Murid membuat alat permainan seperti puzzle berkonsepkan huruf sama ada jawi atau rumi.</p> <p>Murid menjalankan aktiviti awal bacaan dengan kanak-kanak secara berkumpulan atau individu dengan menggunakan bahan bacaan yang telah dibuat.</p> <p>Guru memberi penerangan tentang perbezaan antara pra bacaan dan awal bacaan.</p> <p>Murid merancang, menyediakan dan menjalankan aktiviti pra tulis bersama kanak-kanak seperti menconteng, mencantumkan titik-titik, menulis atas pasir dan menulis di udara.</p> <p>Murid merancang dan menjalankan aktiviti menulis dan mengenal bentuk huruf bersama kanak-kanak.</p> <p>Guru menunjukkan cara membuat helaian kerja. Murid menyediakan helaian kerja untuk kanak-kanak.</p>





<b>BIDANG PELAJARAN/ UNIT PEMBELAJARAN</b>	<b>HASIL PEMBELAJARAN</b>	<b>CADANGAN AKTIVITI PEMBELAJARAN</b>
	<ul style="list-style-type: none"><li>• Merancang, menyediakan dan menjalankan aktiviti untuk meningkatkan potensi pergerakan motor halus kanak-kanak</li><li>• Membanding beza antara pergerakan motor kasar dan motor halus</li></ul>	<p>Murid merancang, menyediakan dan menjalankan aktiviti seperti menyusun blok binaan, membutang baju, mengikat tali kasut dan membentuk <i>play dough</i>.</p> <p>Perbincangan tentang perbezaan motor halus dan motor kasar.</p>

*HURAIAN SUKATAN PELAJARAN*

*ASUHAN DAN PENJAGAAN*

*AWAL KANAK-KANAK*

---

*TINGKATAN LIMA*

<b>BIDANG PELAJARAN / UNIT PEMBELAJARAN</b>	<b>HASIL PEMBELAJARAN</b>	<b>CADANGAN AKTIVITI PEMBELAJARAN</b>
<p><b>1. Perkhidmatan Penjagaan Kanak-Kanak</b> (Cadangan peruntukan waktu ialah 7 minggu)</p> <p>1.6 Pengurusan bilik (Cadangan peruntukan waktu ialah 2 minggu)</p> <p>1.7 Kebersihan dan kesihatan (Cadangan peruntukan waktu ialah 5 minggu)</p> <p>a. Penyakit biasa</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Merancang dan menyediakan pelan bilik untuk pergerakan kanak-kanak</li>   <li>• Menyenaraikan ciri kanak-kanak yang sihat dan tidak sihat</li> </ul>	<p>Tajuk Perkhidmatan Penjagaan Kanak-Kanak Unit 1.1 hingga 1.5 telah diajar di Tingkatan 4.</p> <p>Guru berbincang dengan murid bagaimana menyediakan pelan bilik bagi memudahkan kanak-kanak bergerak, bersosial, mengambil bahan dan alat permainan.</p> <p>Dalam penyediaan pelan perlu diambil kira dari segi penyusunan perabut dan peralatan yang diperlukan.</p> <p>Murid merancang dan menyediakan pelan seperti yang dicadangkan.</p> <p>Ciri kanak-kanak yang sihat seperti riang, cergas dan berselera makan.</p> <p>Ciri kanak-kanak yang tidak sihat seperti mata berair dan kerap menangis.</p>

BIDANG PELAJARAN / UNIT PEMBELAJARAN	HASIL PEMBELAJARAN	CADANGAN AKTIVITI PEMBELAJARAN
<p>b. Penjagaan persekitaran</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Menyenaraikan tanda dan simptom demam, batuk, selesema dan cirit-birit</li>   <li>• Mengenal pasti rawatan untuk kanak-kanak yang demam, batuk, selesema dan cirit-birit</li>   <li>• Menyatakan langkah penjagaan kebersihan dalam dan luar bangunan</li>   <li>• Mengamalkan langkah penjagaan kebersihan dalam dan luar bangunan</li> </ul>	<p>Tanda dan simptom demam seperti suhu badan melebihi 37°C dan hidung berair.</p> <p>Murid mengambil suhu badan kanak-kanak.</p> <p>Perbincangan tentang penyakit yang sering dihadapi oleh kanak-kanak seperti demam, batuk, selesema dan cirit-birit dan cara-cara merawat.</p> <p>Langkah merawat demam seperti tanggalkan pakaian kanak-kanak, letakkan tuala basah di pelipat badan seperti dicelah ketiak dan leher.</p> <p>Murid mengumpul maklumat tentang penyakit kanak-kanak untuk dijadikan buku skrap.</p> <p>Ceramah daripada Pusat Kesihatan Ibu dan Kanak-Kanak.</p> <p>Penerangan dan perbincangan tentang langkah penjagaan kebersihan di ruang dapur (seperti mop lantai, menyapu sampah), bilik tidur (seperti membersihkan habuk), bilik air dan ruang aktiviti.</p> <p>Murid menjalankan aktiviti membersihkan ruang bilik darjah.</p>

<b>BIDANG PELAJARAN / UNIT PEMBELAJARAN</b>	<b>HASIL PEMBELAJARAN</b>	<b>CADANGAN AKTIVITI PEMBELAJARAN</b>
<p><b>2. Kemahiran Menjalankan Aktiviti</b> (Cadangan peruntukan waktu ialah 20 minggu)</p> <p>2.4 Perkembangan kognitif (Cadangan peruntukan waktu ialah 8 minggu)</p> <p>a. Pra sains</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Menyatakan faedah menjalankan aktiviti pra sains</li>   <li>• Menyediakan ruang dan alat bantu yang sesuai dengan aktiviti pra sains</li> </ul>	<p>Tajuk Kemahiran Menjalankan Aktiviti unit 2.1 hingga 2.3 telah diajar di Tingkatan 4.</p> <p>Aktiviti pra sains adalah memahami konsep asas seperti timbul dan tenggelam, ringan dan berat dan percambahan biji benih.</p> <p>Faedahnya kanak-kanak boleh memerhati dan membezakan.</p> <p>Perbincangan tentang faedah menjalankan aktiviti pra sains.</p> <p>Murid menyediakan ruang dan alat bantu yang sesuai menggunakan bahan mawjud dan bahan terbuang.</p> <p>Kemudahan ICT digunakan untuk membantu persediaan.</p>

BIDANG PELAJARAN / UNIT PEMBELAJARAN	HASIL PEMBELAJARAN	CADANGAN AKTIVITI PEMBELAJARAN
<p>b. Pra matematik</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Merancang, menyediakan dan menjalankan aktiviti pra sains</li>   <li>• Mengenal pasti faedah menjalankan aktiviti pra matematik</li>   <li>• Menyediakan ruang dan alat bantu yang sesuai dengan aktiviti pra matematik</li>   <li>• Merancang, menyediakan dan menjalankan aktiviti pra matematik</li> </ul>	<p>Murid membuat aktiviti pra sains seperti alat pancing bermagnet, percambahan biji benih, campuran warna, pemeliharaan ikan dalam akuarium dan konsep air.</p> <p>Faedah aktiviti pra matematik seperti mengenal pasti simbol dan konsep asas matematik.</p> <p>Aktiviti pra matematik seperti mengumpul objek mengikut bentuk dan menyusun mengikut urutan menaik atau menurun.</p> <p>Murid menyediakan ruang dan alat bantu yang sesuai seperti <i>puzzle</i>, kad imbasan dan lembaran kerja menggunakan kemudahan ICT.</p> <p>Murid menjalankan aktiviti pra matematik seperti pengelasan iaitu mengumpul objek mengikut ciri sepunya (seperti bentuk, saiz, warna dan kuantiti) dan menyusun objek mengikut urutan.</p> <p>Aktiviti Pra nombor mengenai konsep banyak dan sedikit, konsep sama banyak dan tidak sama banyak, konsep ukuran, masa dan ruang, simbol dalam aktiviti seharian dan konsep mata wang.</p>



<b>BIDANG PELAJARAN / UNIT PEMBELAJARAN</b>	<b>HASIL PEMBELAJARAN</b>	<b>CADANGAN AKTIVITI PEMBELAJARAN</b>
<p>c. Muzik dan pergerakan</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Merancang dan menyediakan dan menjalankan aktiviti membuat kraftangan</li>   <li>• Menyatakan faedah aktiviti muzik dan pergerakan untuk kanak-kanak</li>   <li>• Menyatakan keperluan untuk aktiviti muzik dan pergerakan</li>   <li>• Merancang dan menyediakan aktiviti muzik dan pergerakan mengikut irama</li> </ul>	<p>Murid merancang, menyediakan bahan dan alat dan menjalankan aktiviti membuat kraftangan.</p> <p>Murid menghasilkan kraftangan seperti kolaj, origami dan bingkai gambar.</p> <p>Faedah aktiviti muzik dan pergerakan membolehkan kanak-kanak meluahkan perasaan.</p> <p>Keperluan aktiviti muzik dan pergerakan seperti peralatan muzik dan ruang</p> <p>Penerangan tentang penggunaan semula bahan terbuang seperti kotak, tin minuman, botol dan penutup botol minuman untuk digunakan sebagai peralatan muzik seperti gendang, tamborin dan marakas.</p> <p>Murid merancang, menyediakan bahan dan alat dan menjalankan aktiviti muzik dan pergerakan mengikut irama seperti senam robik dan tarian.</p>

<b>BIDANG PELAJARAN / UNIT PEMBELAJARAN</b>	<b>HASIL PEMBELAJARAN</b>	<b>CADANGAN AKTIVITI PEMBELAJARAN</b>
<p><b>3. Keusahawanan Dan Projek Kerjaya</b> (Cadangan peruntukan waktu ialah 8 minggu)</p> <p>3.1 Keusahawanan (Cadangan peruntukan waktu ialah 2 minggu)</p> <p>a. Kemahiran berkomunikasi</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Menyatakan maksud komunikasi</li>   <li>• Mengamalkan komunikasi yang jelas, tepat dan bertatasusila semasa berurusan dengan pelanggan</li>   <li>• Menerangkan kepentingan menjalin perhubungan dengan orang lain</li> </ul>	<p>Komunikasi ialah perhubungan yang berlaku antara dua pihak dalam menyampaikan maklumat mengenai sesuatu perkara.</p> <p>Contoh aktiviti seperti simulasi, main peranan dan menonton video mengenai cara berkomunikasi yang berkaitan dalam konteks perniagaan</p> <p>Simulasi cara berkomunikasi yang berkesan dalam perbincangan dengan pelanggan mengenai pendekatan yang digunakan semasa mengajar kanak-kanak, kadar yuran dan kualiti perkhidmatan.</p> <p>Perbincangan kepentingan membentuk jaringan hubungan (<i>networking</i>) dalam konteks perniagaan.</p> <p>Menjalin perhubungan antara rakan untuk melaksanakan satu projek usahasama.</p>



BIDANG PELAJARAN / UNIT PEMBELAJARAN	HASIL PEMBELAJARAN	CADANGAN AKTIVITI PEMBELAJARAN
<p>e. Pemasaran</p> <p>f. Peluang kerjaya dalam bidang asuhan penjagaan kanak-kanak</p> <p>3.2 Projek Kerjaya (Cadangan peruntukan waktu ialah 6 minggu)</p> <p>a. Menganjurkan kursus keibubapaan</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Mengenal pasti unsur pemasaran</li> <li>• Mengenal pasti cara mempromosi produk yang ditawarkan</li> <li>• Mengenal pasti peluang kerjaya dalam bidang asuhan kanak-kanak</li> <li>• Merancang, menyediakan dan menganjurkan kursus keibubapaan</li> </ul>	<p>Unsur pemasaran ialah produk, harga, promosi dan tempat.</p> <p>Perbincangan cara mempromosi produk yang ditawarkan.</p> <p>Menghasilkan iklan untuk mempromosi produk yang ditawarkan.</p> <p>Perbincangan mengenai kerjaya yang boleh diceburi dalam bidang asuhan kanak-kanak seperti guru atau pembantu tadika, guru atau pembantu taska dan pengusaha taska atau tadika.</p> <p>Ceramah kerjaya dari agensi berkaitan.</p> <p>Murid merancang, menyediakan dan menganjurkan program kursus keibubapaan mengenai penjagaan dan pendidikan kanak-kanak kepada ibu bapa atau penjaga.</p>

<b>BIDANG PELAJARAN / UNIT PEMBELAJARAN</b>	<b>HASIL PEMBELAJARAN</b>	<b>CADANGAN AKTIVITI PEMBELAJARAN</b>
<p>b. Jualan alat permainan</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Membuat keputusan memilih jenis alat permainan yang sesuai untuk jualan</li> <li>• Mereka bentuk alat permainan yang kreatif dan berkualiti</li> <li>• Merancang dan menghasilkan alat permainan</li> <li>• Menyediakan tempat pameran dan jualan</li> <li>• Membuat pengiraan kos projek jualan</li> </ul>	<p>Projek membuat alat permainan seperti <i>puzzle</i>, domino, kad imbasan dan <i>soft toys</i>.</p> <p>Sumbangsaran mengenai tempat pameran dan jualan.</p> <p>Murid membuat pengiraan kos.</p>